

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 - 6/1/1Jld 2(3)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN  
SUBANG JAYA BIL. 03 TAHUN 2015**

---

**Tarikh : 25 Mac 2015 (Rabu)**  
**Masa : 10.00 pagi hingga 11.45 pagi**  
**Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga,  
Aras 2,  
Majlis Perbandaran Subang Jaya**

**HADIR**

- |     |  |   |                         |
|-----|--|---|-------------------------|
| 1.  | YBhg. Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan<br>Yang Dipertua MPSJ        | - | Pengerusi               |
| 2.  | Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali<br>Pengarah Khidmat Pengurusan | - | Setiausaha<br>Mesyuarat |
| 3.  | Encik Pooi Weng Keong  | - | Ahli Majlis             |
| 4.  | Encik Stephen Chin Sou Bong  | - | "                       |
| 5.  | Encik Tai Cheng Heng   | - | "                       |
| 6.  | Encik Chong Hoon Ming  | - | "                       |
| 7.  | Encik Chia Yew Ken   | - | "                       |
| 8.  | Encik Loka Ng Sai Kai  | - | "                       |
| 9.  | Encik Michael Noel Jalleh  | - | "                       |
| 10. | Encik Yap Kok Weng   | - | "                       |
| 11. | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh                                   | - | "                       |

- |     |  |   |   |
|-----|--|---|---|
| 12. | Encik Mohamad Rosharizan bin Mohd Rozlan | - | " |
| 13. | Ir. Izham bin Hashim                     | - | " |
| 14. | Encik Wan Hock Leong                     | - | " |
| 15. | Encik Mehanatan a/l Embamurthi           | - | " |
| 16. | Puan Norzaihan binti Ismail              | - | " |
| 17. | Encik Jaber bin Ami                      | - | " |
| 18. | Encik Ban Shi Ron                        | - | " |
| 19. | Encik P. Ravi Chandaran a/l Periasamy    | - | " |
| 20. | Puan Sharmazira binti Md Sharif          | - | " |
| 21. | Dr. Mahendran a/l V Markandoo            | - | " |
| 22. | Encik Mohd Saifullah bin Mohd Zulkifli   | - | " |
| 23. | Encik Tan Pang Yeow                      | - | " |
| 24. | Puan Azalea Zulaikha binti Hj. Zulkifli  | - | " |
| 25. | Puan Kavitha a/p Chandragesan            | - | " |

**TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

- |    |                                 |   |                           |
|----|---------------------------------|---|---------------------------|
| 1. | Tuan Haji Abdullah bin Marjunid | - | Setiausaha<br>Perbandaran |
|----|---------------------------------|---|---------------------------|

**TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)**

1. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus  
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
2. Y.M. Raja Amir Iskandar bin Raja Azlan  
Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
3. Encik Mohd Fadzil bin Mahat  
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
4. Encik Ismail bin Muhamad  
Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
5. Encik Muhammad Zaki bin Yusoff  
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
6. Encik Ismail bin Salim  
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
7. Puan Sharifah Rohaida binti Abd. Rahman  
Pengarah, Jabatan Hasil
8. Puan Anita binti Abd. Jalil  
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
9. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin  
Pengarah, Jabatan Kesihatan
10. Puan Azura binti Mohd Don  
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
11. Ir. Mohd Ariffuddin bin Hj Kamari  
Pengarah, Jabatan Bangunan
12. Encik Azfarizal bin Abdul Rashid  
Pengarah, Jabatan Pelesenan
13. Encik Fadzli bin Zubi  
Pengarah, Jabatan OSC

14. Puan Nik Zalina binti Megat Muda  
Pegawai Integriti, Unit Integriti
15. Puan Noraziah binti Ali  
Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Audit Dalam
16. Encik Nazarudin bin Mashtuki  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan
17. Puan Satinah binti Safirol  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan COB
18. Encik Samzol bin Saat  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Teknologi Maklumat
19. Mejar Mohd Rasip bin Rasul (Bersara)  
Timbalan Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
20. Encik Hazman bin Mohd Mahayudin  
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
21. Puan Aida binti Omar  
Timbalan Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
22. Encik Ahmad bin Hasan  
Timbalan Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
23. Encik Muhammad Azli bin Miswan  
Timbalan Pengarah, Jabatan Korporat Dan Pengurusan Strategik
24. Encik Nor Azmi bin Mohd. Rosli  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Bangunan
25. Puan Azlina binti Mat Salim  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
26. Encik Mohd Hafiz bin Sharif  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
27. Encik Mohd Faudzi bin Nazaruddin  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta

28. Cik Hasnor Salwa binti Harun  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
29. Encik Mohd Haizi bin Harun  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kejuruteraan
30. Encik Mohd Razif bin Abdul Rahman  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kejuruteraan
31. Puan Rohana binti Ramli  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perancang Bandar
32. Puan Nor Shahela binti Amzah  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perbendaharaan
33. Puan Norsilawati binti Mohd Yatim  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Hasil
34. Encik Saipudin bin Sulaiman  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
35. Encik Mohd Razmi bin Mat Sehat  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
36. Encik Alias bin Miskon  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kesihatan
37. Encik Mohd Reyzal bin Mazlan  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pembangunan Masyarakat
38. Puan Rosmawati binti Zainuddin  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pembangunan Masyarakat
39. Puan Rahimah binti Aisa @ Hassan  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pembangunan Masyarakat
40. Puan Sadzliawaty binti Mohamad Dom  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pembangunan Masyarakat
41. Encik Mohd Nazri bin Jamaludin  
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat

42. Encik Samsudin bin Ayob  
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
43. Encik Nazri Faiz bin Zainal  
Penolong Pengarah, Jabatan Pelesenan
44. Encik Nurli Izwan bin Haji Osman  
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
45. Encik Mohd Saidi bin Alang  
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
46. Cik Adibah binti Abdullah  
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
47. Puan Raja Norfadzila binti Raja Ayob  
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
48. Encik Mohd Safiee bin Junun  
Penolong Pengarah, Jabatan Bangunan
49. Encik Mohd Aisamuddin bin Razali  
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
50. Puan Nurfadzliana binti Ahmad Fadzil  
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
51. Puan Noraini binti Nazaruddin  
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
52. Puan Azizah binti Idris  
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
53. Puan Nur Maini binti Ariffin  
Penolong Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
54. Encik Mohd Fadil bin Alos  
Penolong Pengarah, Bahagian Audit Dalam
55. Puan Mimi Zareena binti Md Nor  
Penolong Pengarah, Jabatan OSC

56. Encik Nordin bin Harun  
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
57. Puan Mazlina binti Mustafa  
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
58. Puan Intan Rozlina Hani binti Rasim  
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
59. Encik Ahmad Fairuz bin Fadzil  
Ahli Muzik, Jabatan Pembangunan Masyarakat

### **URUSETIA**

1. Encik Salmi bin Mat Saad  
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Encik Isham bin Abu Kassim  
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Faizah binti Mazenan  
Pembantu Tadbir, Jabatan Khidmat Pengurusan

## **1.0 DOA**

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Subang Jaya.

## **2.0 UCAPAN Pengerusi**

YBhg. Dato' Yang Dipertua mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat pada kali ini adalah Mesyuarat Penuh MPSJ Bil. 03/2015 dan seterusnya memaklumkan beberapa perkara:

### **2.1 PENSIJILAN SEMULA MS ISO 9001:2008**

Majlis Perbandaran Subang Jaya telah menerima kunjungan Panel Penilai Audit Pensijilan Semula MS ISO 9001:2008 daripada pihak SIRIM QAS International Sdn. Bhd. pada 23 – 24 Mac 2015 (Isnin dan Selasa) bagi melihat keberkesanan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti MPSJ.

Sehubungan itu, sukacita dimaklumkan bahawa, hasil proses pengauditan pada kali ini, MPSJ telah berjaya mendapat pensijilan semula MS ISO 9001:2008 tanpa syarat dengan Ketidakakuran Sifar (Zero NCR).

Pensijilan ini menunjukkan komitmen pihak Pengurusan MPSJ dan seluruh warga kerja MPSJ dalam memberi yang terbaik serta jaminan kepada pelanggan untuk mendapatkan perkhidmatan yang cemerlang dan berkualiti.

Seterusnya, pada bulan Oktober 2015, Majlis Perbandaran Subang Jaya akan melaksanakan proses transisi ke Standard MS ISO 9001 : 2015 sebaik sahaja ianya dilancarkan.

## **2.2 PENSIJILAN GREEN 5S**

Satu Lawatan Penilaian dan Pengawasan Amalan Persekitaran Berkualiti Green 5S oleh pihak SIRIM telah diadakan pada 10 Disember 2014 bagi menilai Sistem Pengurusan Kualiti Menyeluruh melalui pelaksanaan program Green 5S di MPSJ. Objektif pengauditan adalah bertujuan untuk menyambung pensijilan Green 5S yang telah diperolehi oleh MPSJ sebelum ini.

Sehubungan itu, sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya telah berjaya meneruskan Pensijilan Green 5S bagi tahun berikutnya dan tempoh sah pensijilan adalah berkuatkuasa pada 02 Januari 2015 – 31 Disember 2015.

Pihak Pengurusan MPSJ merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan di atas kerjasama dan komitmen tinggi yang diberikan oleh warga kerja MPSJ dalam menjayakan program Green 5S di MPSJ dan berharap semoga usaha ini diteruskan seiring dengan aspirasi MPSJ untuk memelihara alam sekitar yang lebih lestari untuk generasi kini dan akan datang.

## **2.3 MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN) PERSIDANGAN PENGGAL KETIGA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS TAHUN 2015**

Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Pertama (Pembukaan) Persidangan Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor Yang Ketiga Belas Tahun 2015 akan bersidang pada 30 Mac – 03 April 2015 dan 06 April – 10 April 2015 bertempat di Bangunan Dewan Negeri Selangor, Shah Alam.

Bersempena dengan Majlis Pembukaan Persidangan Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor pada kali ini, Pejabat Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan akan mengadakan Majlis Makan Malam Istiadat Pembukaan Persidangan Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor Ketiga Belas Tahun 2015 pada 30 Mac 2015 (Isnin), jam 7.45 malam bertempat di Bilik Selangor 1 & 2, Hotel Grand Dorsett, Subang Jaya.

## **2.4 PROGRAM PEMBANGUNAN KLINIK BOLASEPAK MPSJ BERSAMA SHAHRIL ARSAT**

Program Pembangunan Klinik Bolasepak MPSJ bersama Shahril Arsat merupakan julung-julung kali diadakan dan menjadi hasrat dan harapan MPSJ untuk memastikan ia dapat dilaksanakan dengan jayanya demi pembangunan sukan bolasepak di kawasan MPSJ.

Objektif Program Pembangunan Klinik Bolasepak ini adalah bertujuan untuk menggalakkan kegiatan yang sihat dan memberi peluang kepada golongan kanak-kanak dan remaja untuk melibatkan diri dalam kegiatan sukan bolasepak dengan teknik yang betul.

Program Pembangunan Klinik Bolasepak MPSJ ini diadakan pada setiap hari Sabtu dan Ahad, bertempat di Padang Kompleks Sukan MPSJ, Subang Jaya dan ia telah pun bermula pada 01 Mac 2015 yang lalu.

Yuran pendaftaran yang dikenakan adalah RM150.00 seorang (percuma jersi, seluar, stoking dan t-shirt) manakala yuran bulanan pula adalah sebanyak RM 50.00. Kategori Peserta adalah bawah 8 tahun, bawah 12 tahun dan bawah 15 tahun.

## **2.5 PROGRAM SENI BUDAYA BANGSA MPSJ 2015**

Program Seni Budaya Bangsa MPSJ 2015 adalah kali kedua dianjurkan oleh MPSJ dan ia merupakan program yang melibatkan pelbagai acara termasuk persembahan dan pertandingan bagi memartabatkan kesenian dan kebudayaan masyarakat pelbagai kaum di Malaysia. Program ini juga dilihat sebagai medium pendedahan kepada setiap peserta yang menyertai program ini untuk mendalami dan menghargai keindahan seni budaya bangsa di Malaysia.

Tujuan program ini diadakan adalah bagi menggalakkan kegiatan dan aktiviti yang berteraskan kebudayaan bangsa Malaysia, mempromosikan produk pelancongan MPSJ Sempena Tahun Melawat Selangor 2015 selain memberikan pendedahan dan mencungkil bakat- bakat baru di dalam bidang seni budaya dikalangan masyarakat dan pelajar.

Program Seni Budaya Bangsa MPSJ 2015 akan berlangsung pada 18 - 19 April 2015 (Sabtu & Ahad), bertempat di Sky Park, One City Mall, USJ 25, Subang Jaya.

Pengisian Program dan aktiviti;

- ❖ Pertandingan Unplugged Terbuka
- ❖ Pertandingan Muzik Kitar Semula Peringkat Sekolah Menengah
- ❖ Pertandingan Dikir Barat Terbuka
- ❖ Pertandingan Tarian Klasik India Terbuka
- ❖ Pertandingan Tarian Moden

**2.6 PROGRAM EKSPLORASI RAKAN CINTA ALAM SEKITAR MPSJ 2015 - PULAU PERHENTIAN**

Objektif penganjuran Program Eksplorasi Rakan Cinta Alam Sekitar MPSJ 2015 ini diadakan adalah bagi menarik minat golongan belia dalam aktiviti mencintai alam sekitar. Program ini dapat menggalakkan kegiatan sihat dan memberi peluang kepada semua golongan termasuk remaja dan belia bagi melibatkan diri dalam aktiviti memelihara dan memulihara alam sekitar. Selain itu, ia turut menyediakan ruang dan peluang kepada para peserta untuk menzahirkan dan melahirkan semangat cintakan alam sekitar. Program ini akan diadakan pada 28 - 30 Mac 2015 (Sabtu - Isnin), bertempat di Pulau Perhentian Besar, Terengganu Darul Iman.

## **2.7 KARNIVAL SUKANEKA TAHUNAN PPK & TASKA MPSJ 2015 DAN KEJOHANAN FUTSAL PRA-SEKOLAH**

Perkembangan kanak-kanak yang cemerlang adalah terbentuk daripada gabungan intelek, jasmani, rohani, emosi dan keupayaan sosial yang berpotensi tinggi. Sehubungan itu, selaras dengan pembentukan modal insan yang seimbang, Bahagian PPK & Taska telah menjadikan acara Karnival Sukaneka Tahunan PPK & Taska MPSJ sebagai acara tahunan.

Karnival Sukaneka Tahunan PPK & Taska MPSJ dan Kejohanan Futsal Pra-Sekolah ini juga diadakan bertujuan untuk mencungkil bakat kanak-kanak dalam bidang sukan selain memperkembangkan minat mereka terhadap aktiviti kesukanan dan riadah. Program ini akan diadakan pada 04 April 2015 (Sabtu), jam 8.00 pagi hingga 1.00 petang bertempat di Padang Kompleks Sukan MPSJ, Subang Jaya.

Penyertaan pada kali ini melibatkan seramai 462 orang kanak-kanak yang terdiri daripada;

- a) PPK - 146 orang
- b) Taska USJ 3 - 204 orang
- c) Taska Kuarters - 112 orang

## **2.8 PROGRAM KAYUHAN HIDUP SIHAT MPSJ - UPM 2015**

Majlis Perbandaran Subang Jaya dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM) akan mengadakan Program Kayuhan Hidup Sihat MPSJ - UPM 2015 pada 04 April 2015 (Sabtu), bermula jam 7.30 pagi bertempat di Padang Kawad, Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang.

Program yang berbentuk santai ini terbahagi kepada dua (2) kategori iaitu Kategori Keluarga (Family Ride) dan Kategori Umum (Fun Ride).

Program ini dilihat sebagai satu langkah yang tepat pada masanya kerana ia dapat menggalakkan lagi penggunaan basikal untuk tujuan riadah kepada masyarakat di samping mengaktifkan lagi hujung minggu mereka dengan aktiviti gaya hidup sihat.

MPSJ seterusnya akan melaksanakan dua (2) kali lagi aktiviti kayuhan basikal ini dan berharap mendapat sambutan dan penyertaan yang lebih ramai daripada pelbagai lapisan masyarakat.

## **2.9 KEJOHANAN BOLA JARING & BOLA TAMPAR MPSJ 2015**

Kejohanan Bola Jaring dan Bola Tampar MPSJ merupakan acara tahunan yang mendapat penyertaan daripada kelab-kelab terkemuka di Malaysia. Hasrat dan harapan MPSJ adalah memastikan ia dapat dilaksanakan dengan jayanya demi pembangunan sukan Bola Jaring dan Bola Tampar.

Objektif penganjuran program seumpama ini secara tidak langsung dapat membantu golongan remaja, belia dan veteran untuk mengamalkan gaya hidup sihat dan menarik minat mereka untuk penglibatan dalam aktiviti kesukanan dan riadah yang bermanfaat. Selain itu, ia juga dapat mengeratkan hubungan silaturrahim di kalangan penduduk di kawasan pentadbiran MPSJ dengan pihak Majlis. Kejohanan Bola Jaring dan Bola Tampar MPSJ 2015 akan diadakan pada 11 - 12 April 2015 (Sabtu & Ahad), jam 9.00 pagi hingga 9.00 malam bertempat di Padang Kompleks Sukan MPSJ, Subang Jaya.

### Yuran Penyertaan:

- |             |   |                                      |
|-------------|---|--------------------------------------|
| Bola Jaring | : | Kategori Terbuka (RM 150.00)         |
|             | : | Kategori Bawah 18 Tahun (RM 50.00)   |
| Bola Tampar | : | Kategori Terbuka Lelaki (RM 200.00)  |
|             | : | Kategori Terbuka Wanita ( Rm 150.00) |

## **2.10 LAPORAN DEMAM DENGGI**

Bilangan kes denggi dilaporkan tahun ini sehingga Minggu Epid 11 (iaitu sehingga 21 Mac 2015) adalah sebanyak 3382 kes denggi telah dilaporkan di kawasan MPSJ dan terdapat lima puluh (50) kawasan 'hotspots' denggi di kawasan pentadbiran MPSJ.

Sehubungan itu, dalam memerangi kes denggi ini adalah menjadi harapan pihak Majlis agar penduduk perlu memastikan kawasan premis masing-masing bebas dari tempat-tempat pembiakan aedes dengan meluangkan masa sekurang-kurangnya 10 minit untuk mencari dan memusnahkan tempat-tempat pembiakan nyamuk aedes.

Kerjasama masyarakat dengan melaksanakan Kempen 10 Minit dan gotong royong adalah amat diperlukan untuk memastikan kes denggi dapat dikurangkan.

### **Peringatan Mesra Kerajaan Negeri Selangor**

"Wabak denggi semakin serius dan meningkat. Musnahkan tempat pembiakan nyamuk Aedes dengan menghapuskan tempat menakung air di tempat kediaman dan tempat kerja. Jagalah kebersihan setiap hari, setiap masa, di mana jua".

## **2.11 PROGRAM PEMUTIHAN STRUKTUR TAMBAHAN SEMENTARA BANGUNAN INDUSTRI TANPA KELULUSAN DI KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA**

Majlis Perbandaran Subang Jaya akan melaksanakan Program Pemutihan Struktur Tambahan Sementara Bangunan Industri Tanpa Kelulusan Di Kawasan Majlis Perbandaran Subang Jaya bermula pada bulan April hingga Disember 2015.

Tujuan program pemutihan ini dijalankan adalah untuk mengawal dan melaksanakan pemantauan ke atas pembinaan tambahan struktur di premis kilang dan industri.

Sasaran program adalah melibatkan premis-premis kilang dan industri yang gagal mengemukakan permohonan kelulusan pelan bangunan kerana tidak mematuhi keperluan teknikal seperti berikut:-

- i. Anjakan bangunan yang ditetapkan dalam Manual Garispanduan dan Piawaian Perancangan Negeri Selangor 2010;
  - ii. Keperluan teknikal Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).
- *Kelulusan permit adalah diberikan secara tahunan.*

Pelaksanaan program pemutihan ini akan memberi manfaat kepada pemilik dan penyewa dari segi:-

- i. Meningkatkan ciri-ciri penentang kebakaran dan meminimumkan risiko kemalangan;
- ii. Membantu pemilik atau penyewa premis kilang untuk mendapatkan ulasan daripada Jabatan Bangunan bagi sokongan dari segi struktur bangunan semasa mengemukakan permohonan lesen perniagaan.

Dalam tempoh program pemutihan ini, beberapa kaedah dan syarat-syarat permohonan dipermudahkan bagi menggalakkan pemilik-pemilik premis kilang dan penyewa menyertai program ini.

Tindakan penguatkuasaan akan dilaksanakan terhadap pemilik / penyewa premis yang gagal mengemukakan permohonan permit, setelah tamat tempoh program pemutihan ini dijalankan.

### 3.0 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 02/2015 BERTARIKH 25 FEBRUARI 2015.

Minit Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 02/2015 bertarikh 25 Februari 2015 telah disahkan tanpa pindaan.

### 4.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT DARIPADA JAWATANKUASA

#### 4.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 05/2015 Bertarikh 04 Mac 2015

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 5.19 m.s 45	Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh	Kertas Dasar Mengenai Cadangan Tambahan Dan Ubahsuai Bangunan Rumah Teres 1 Tingkat Kepada 1 ½ Tingkat Dan 2 Tingkat Kepada 2 ½ Tingkat Di Lot Pepenjur (Corner Lot), Lot Tepi (End Lot) Dan Lot Tengah (Intermediate Lot)	Beliau memohon supaya pihak Majlis memberikan maklumbalas dan penjelasan lanjut berhubung cadangan kertas dasar ini.  <u>Maklumbalas:</u> Pengarah Perancang Bandar memaklumkan bahawa pihak Majlis akan menyediakan garis panduan yang lebih terperinci berhubung kertas cadangan ini.  Sehubungan itu, satu sesi taklimat dan

				<p>penjelasan lanjut berkenaan garis panduan bagi cadangan kertas dasar ini akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC yang akan datang.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua bersetuju dengan cadangan ini dan meminta Jabatan Perancang Bandar menyediakan maklumat yang terperinci berhubung perkara ini bagi pembentangan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC yang akan datang sebelum sebarang keputusan selanjutnya diambil oleh pihak Majlis.</p>
--	--	--	--	--

**Tindakan : Jabatan Pusat Setempat (OSC)**

**4.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)  
Bil. 06/2015 Bertarikh 18 Mac 2015**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**Tindakan : Jabatan Pusat Setempat (OSC)**

**4.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar Bil. 03/2015 Bertarikh 06 Mac 2015**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**Tindakan : Jabatan Pengurusan Alam Sekitar**

**4.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit Dan Pengurusan Korporat Bil. 02/2015 Bertarikh 10 Mac 2015**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**Tindakan : Bahagian Audit Dalam**

**4.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur Bil. 03/2015 Bertarikh 12 Mac 2015**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	Hal-Hal Lain	Encik Yap Kok Weng	Perkhidmatan Bas Komuniti Di Kawasan Majlis Perbandaran Subang Jaya	Beliau memohon supaya pihak Majlis turut mempertimbangkan perluasan jajaran laluan perkhidmatan bas komuniti dan

				<p>“feeder bus” agar turut merangkumi kawasan Puchong, Kinrara dan Seri Kembangan selain cadangan asal yang tertumpu di kawasan Subang Jaya.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato’ Yang Dipertua memaklumkan bahawa jajaran laluan perkhidmatan bas komuniti di Majlis Perbandaran Subang Jaya masih dalam peringkat kajian.</p> <p>Sehubungan itu, Dato’ Yang Dipertua meminta supaya Jabatan Perancang Bandar mengkaji semula perkara ini dan mengadakan perbincangan bersama Ahli Majlis bagi mengambil kira pandangan dan cadangan berhubung perkara ini.</p> <p>Dato’ Yang Dipertua turut meminta Jabatan Perancang Bandar untuk membuat kajian berkenaan cadangan perluasan laluan perkhidmatan pengangkutan awam yang merangkumi seluruh kawasan MPSJ.</p>
--	--	--	--	---

**Tindakan : Jabatan Kejuruteraan**

#### 4.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Bil. 03/2015 Bertarikh 16 Mac 2015

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan pindaan.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 5.9 m.s 18	Encik Pooi Weng Keong	Rayuan Penamatan Tawaran Penyewaan Tapak Gerai Di Atas Lot 1511 Di Jalan Permai 1, Taman Puchong Permai, Puchong, Selangor Darul Ehsan	<p><u>Pindaan Minit :</u> Beliau memaklumkan terdapat pindaan minit berkenaan perkara ini.</p> <p>“Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Bil. 03/2015 telah bersetuju dengan cadangan supaya pengurusan ‘uptown’ di Taman Puchong Permai diserahkan kepada pihak yang telah mengeluarkan modal untuk membangunkan ‘uptown’ tersebut.”</p> <p><u>Maklumbalas:</u> Dato’ Yang Dipertua bersetuju dengan cadangan ini dan meminta supaya Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta mengambil tindakan selanjutnya berhubung perkara ini.</p> <p>Dato’ Yang Dipertua seterusnya meminta</p>

				Jabatan Perbendaharaan mengambil maklum mengenai perkara ini dan membuat pindaan kepada Minit Mesyuarat.
2	para 5.10 m.s 18	Encik Mohan Singh a/ Surtar Singh	Makluman Berkenaan Status Semasa Penyewaan Tanah Di Atas Tapak Kawasan Lapang Di Jalan TPP 1/1, Taman Perindustrian Puchong, Puchong, Selangor Darul Ehsan Untuk Tujuan Meletak Kenderaan	Beliau memohon supaya pihak Majlis mengkaji semula keputusan berhubung perkara ini dan seterusnya mencadangkan supaya tempoh sebulan notis yang akan diberikan kepada syarikat berkenaan untuk mengosongkan tapak tersebut dapat dipertimbangkan semula untuk tempoh masa yang lebih sesuai.  <u>Maklumbalas:</u> Dato' Yang Dipertua bersetuju dengan cadangan ini dan meminta supaya Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta mengadakan perbincangan lanjut bersama pihak operator syarikat bagi membincangkan mengenai isu-isu berbangkit berhubung perkara ini sebelum sebarang keputusan selanjutnya diambil oleh pihak Majlis.

3	para 5.12 m.s 19	Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh	Perbincangan Semula Rayuan Kedua Bagi Melanjutkan Tempoh Penyewaan Tempat Letak Kenderaan Berat Awam Di Jalan TP 2, Taman Perindustrian UEP, Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan Oleh Syarikat Setiajaya Enterprise.	Beliau memohon supaya pihak Majlis mengkaji semula keputusan berhubung perkara ini dan seterusnya memberikan pertimbangan semula ke atas permohonan rayuan ini.  <u>Maklumbalas:</u> Dato' Yang Dipertua memutuskan untuk mengekalkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Bil. 03/2015 ke atas cadangan kertas mesyuarat ini seperti yang dicatatkan di dalam Minit Mesyuarat.  Sehubungan itu, pihak Majlis akan mengadakan mesyuarat penyelarasan bagi membincangkan mengenai isu-isu berbangkit yang berkaitan berhubung perkara ini.
---	------------------------	--	--	--

**Tindakan : Jabatan Perbendaharaan**

#### 4.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Dan Kesihatan Bil. 03/2015 Bertarikh 17 Mac 2015

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan pindaan.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 10.12 m.s 34	Ir. Izham bin Hashim	Cadangan Pelaksanaan Pemilihan Penjaja Bazar Ramadhan Secara Undian Dan Mengenakan Cagaran Kepada Penjaja Yang Berjaya Dipertimbangkan Permit	<p>Beliau memohon supaya pihak Majlis mengkaji semula keputusan berhubung perkara ini dan mempertimbangkan semula keputusan berhubung kaedah pelaksanaan pemilihan penjaja Bazar Ramadhan dan cadangan mengenakan cagaran kepada penjaja Bazar Ramadhan.</p> <p><u>Pindaan Minit :</u></p> <p>Setelah meneliti dan berbincang, Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 03/2015 bertarikh 25 Mac 2015 telah bersetuju dengan keputusan seperti berikut:</p> <p>i. Mesyuarat bersetuju supaya kaedah pemilihan penjaja Bazar Ramadhan bagi tahun 2015 dikekalkan seperti kaedah pemilihan tahun 2014 tetapi</p>

				<p>penetapan petak berniaga perlu dibuat secara proses undian.</p> <p>ii. Mesyuarat turut bersetuju pelaksanaan cagaran tidak dikenakan kepada penjaja Bazar Ramadhan.</p> <p>Sehubungan itu, Mesyuarat meminta Jabatan Pelesenan untuk membuat kajian dan laporan berhubung kaedah pelaksanaan Bazar Ramadhan tahun ini untuk dijadikan rujukan bagi tindakan penambahbaikan kaedah pelaksanaan Bazar Ramadhan pada tahun yang akan datang.</p>
2	para 11.7 m.s 51	Encik Loka Ng Sai Kai	Perkhidmatan "Vallet Parking" Di Kawasan MPSJ	<p>Beliau memohon supaya pihak Majlis mengkaji semula syarat-syarat lesen perniagaan bagi perkhidmatan "Vallet Parking" di kawasan pentadbiran MPSJ.</p> <p>Beliau mencadangkan supaya dimasukkan klausa berkenaan penyediaan Polisi Insurans Tanggungan Awam "Public Liability Insurance" oleh pihak operator syarikat jika berlaku kes kehilangan kereta</p>

				<p>semasa perkhidmatan "Vallet Parking".</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua bersetuju dengan cadangan ini dan meminta Jabatan Pelesenan untuk mengkaji perkara ini dengan lebih terperinci sebelum sebarang keputusan selanjutnya diambil oleh pihak Majlis.</p>
--	--	--	--	---

**Tindakan : Jabatan Pelesenan**

**4.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Bil. 03/2015 Bertarikh 17 Mac 2015**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat**

**4.9 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan Dan Teknologi Maklumat Bil. 02/2015 Bertarikh 18 Mac 2015**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**Tindakan : Jabatan Khidmat Pengurusan**

## 5.0 UCAPAN PENANGGUHAN

- 5.1 YBhg. Dato' Yang Dipertua mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Majlis di atas kerjasama sepanjang mesyuarat dijalankan dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.45 pagi.

### **'MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI'**

**Disediakan oleh;**

.....  
**(HAJI MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI), A.M.N., A.M.S.**  
Setiausaha Mesyuarat  
**MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA**

**Disahkan oleh;**

.....  
**(DATO' NOR HISHAM BIN AHMAD DAHLAN), D.P.M.S., S.M.S.**  
Pengerusi Mesyuarat  
**MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA**